

KERTAS MODEL

1

Masa: 2 jam

Arahan: Jawab semua soalan dalam Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan satu soalan daripada Bahagian D.

BAHAGIAN A [25 markah]

1 Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan bahasa. Gariskan kesalahan bahasa tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(i) Damia bingkas bangun sambil tampil ke hadapan apabila namanya dipanggil oleh juruacara.

(ii) Dalam majlis tersebut, baginda berkata bahawa semua kaum harus bertolak ansur agar perpaduan dapat terus terpelihara.

(iii) Pertandingan Mereka Cipta Slogan adalah terbuka kepada semua murid Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Kejora.

(iv) Nenek menerangkan tentang cara-cara menganyam ketupat palas secara terperinci kepada Aina.

[8 markah]

2 Dalam iklan di bawah ini, terdapat tiga kesalahan ejaan. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin iklan itu semula.

Agensi Pelancongan Cemerlang
Pakej Taman Negara Pahang (Tiga Hari Dua Malam)

Harga termasuk:

- Penginapan 2 malam
- Permit masuk ke Taman Negara
- Makanan (sarapan pagi, makan tengahari dan makan malam yang istimewa di restorans terapung)
- Pemandu pelancong
- Tiket titian kanopi

Aktiviti yang dijalankan:

- melawat Kampung Dedari (kampung orang Asli)
- meneroka Gua Telinga
- meredah hutan pada waktu malam
- titian kanopi (titian paling panjang dan tinggi di dunia)
- mandi di air terjun Lata Berkoh

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi: 03-9081 1354/ 9081 1355
24, Jalan SP/2, Trader Square, 43300 Cheras
Emel: agensipelancongan_cemerlang@gmail.com

RM250.00 seorang

10 - 12
orang satu
trip

(i) _____

(ii) _____

(iii) _____

[3 markah]

3 Susun semula perkataan atau frasa di bawah supaya menjadi ayat susunan biasa yang gramatis. Ayat yang dibina hendaklah menepati pola ayat dasar yang telah ditetapkan. Anda hendaklah menggunakan semua perkataan yang diberikan dan tidak boleh menambahkan perkataan lain.

(i) akhir Aswan tahun penuntut Inti di Kolej

Pola: Frasa Nama + Frasa Nama (FN + FN)

(ii) mendapat daripada menggalakkan pertandingan sangat poster sambutan
murid melukis yang semua

Pola: Frasa Nama + Frasa Kerja (FN + FK)

(iii) keluarga kebanyakan daripada murid sederhana berpendapatan yang

Pola: Frasa Nama + Frasa Sendi Nama (FN + FS)

(iv) di seluruh kerajaan mengadakan membaca kempen negara

Pola: Frasa Nama + Frasa Kerja (FN + FK)

(v) ini malam langit sungguh pada indah

Pola: Frasa Nama + Frasa Adjektif (FN + FA)

[10 markah]